



Soalan Objektif

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C, dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja.

1.1

Kestabilan dan Kemakmuran Negara Kita

Buku Teks: m.s. 4-9

1. Sistem timbangan berikut telah digunakan dalam kalangan pedagang untuk berjual beli.

- Tahlil
- Kati

Pedagang luar yang manakah telah memperkenalkan penggunaan sistem timbangan tersebut?

- A Pedagang Arab
- B Pedagang India
- C Pedagang China
- D Pedagang Aceh

2. Tenunan Kain Pua dijalankan dalam kalangan masyarakat tempatan di negara kita. Di negeri manakah ia dijalankan?
- A Sabah
 - B Sarawak
 - C Kelantan
 - D Terengganu

3. Maklumat berikut merujuk kepada pendidikan formal.

Mempunyai tahap permulaan, pertengahan dan pertengahan.

Apakah sistem pendidikan yang menggunakan kaedah tersebut?

- A Pendidikan istana
- B Pendidikan pondok
- C Pendidikan madrasah
- D Pendidikan surau

1.2

Faktor Kedatangan Kuasa Barat ke Negara Kita

Buku Teks: m.s. 10-15

4. Antara berikut, apakah barangan tempatan yang diperlukan oleh pedagang China?
- I Emas
 - II Tembaga
 - III Tembikar
 - IV Rempah-ratus
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
5. Maklumat berikut berkaitan dengan perkembangan Revolusi Perindustrian.

Berlaku pada abad ke-17.

Apakah negara yang terlibat dengan revolusi tersebut?

- A Jerman
- B Perancis
- C Belanda
- D Britain

6. Apakah sumbangan tokoh berikut terhadap tamadun dunia?

Ferdinand de Lesseps

- A Membina kapal wap
- B Membina terusan
- C Mencipta telegraf
- D Mencipta mata wang

7. Kuasa Barat yang manakah menggunakan slogan di bawah untuk melakukan penjajahan terhadap negara lain?

"Tugas Menyebarkan Tamadun"

- A Belanda
- B Portugal
- C Sepanyol
- D Perancis

1.3

Persaingan Kuasa Barat untuk Mendapatkan Tanah Jajahan

Buku Teks: m.s. 16-17

8. Amerika Syarikat berusaha untuk menguasai kawasan jajahan di Asia Tenggara. Di manakah lokasi kawasan jajahan tersebut?
- A Pulau Langkawi
 - B Terengganu
 - C Kelantan
 - D Pahang

1.4

Perbezaan Strategi Kuasa Barat untuk Menguasai Negara Kita

Buku Teks: m.s. 18-21

9. Apakah strategi yang digunakan oleh Belanda untuk menguasai Melaka?
- A Melancarkan serangan
 - B Mengadakan pakatan
 - C Menggunakan tipu helah
 - D Menggunakan manipulasi
10. British telah menggunakan strategi perjanjian untuk menguasai negeri-negeri Melayu. Pilih negeri yang terlibat dengan penggunaan strategi tersebut.
- I Negeri Sembilan
 - II Terengganu
 - III Kelantan
 - IV Pahang
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV